

KEPIMPINAN ISLAM DALAM TADBIR URUS INSAN: SATU TINJAUAN **ISLAMIC LEADERSHIP ON HUMAN GOVERNANCE: A REVIEW**

Siti Fatimah Muhamad Nor

Pensyarah, Pusat Pengajian dan Penyelidikan Kewangan Islam (CIFER), UniSHAMS,
Kuala Ketil, Kedah.

ABSTRAK

Kepimpinan Islam merupakan suatu proses yang dapat menggerakkan sekumpulan manusia untuk memenuhi kehendak Islam dan pada masa yang sama mampu mencapai misi dan visi untuk jangka masa tertentu untuk menuju matlamat Islam. Maksud kepimpinan Islam itu adalah kepimpinan yang menurut cara-cara Islam seperti yang diasaskan oleh Rasulullah SAW bagi mewujudkan masyarakat yang menuju ke arah *al-falah* (mendapat kejayaan di dunia dan akhirat). Kepimpinan Baginda Rasulullah SAW sentiasa berusaha mendidik insan di sekeliling berubah daripada kejahilan dan kemusyrikan ke arah menjadi insan mulia bertamadun, berpendidikan dan beragama. Ianya dilakukan menerusi pembinaan jiwa atau tarbiah ruhiyyah yang bersumberkan kepada wahyu Allah SWT yang terhindar daripada kerosakan dan penyimpangan tauhid. Namun, senario sekarang berbeza di mana kebanyakan negara Islam menghadapi krisis kepemimpinan seperti ketidakupayaan memimpin yang menyebabkan pelbagai masalah yang berlaku. Dalam Islam, kepimpinan amat diperlukan untuk pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Begitu juga dalam pembangunan dan pengurusan sesebuah organisasi. Kejayaan atau kegagalan sesebuah organisasi itu bergantung kepada ciri-ciri dan gaya kepimpinan organisasi tersebut. Hakikatnya, kepimpinan Islam adalah merealisasikan maksud khilafah di muka bumi yang berteraskan kepada Al-Quran dan Al-Sunnah yang memandu arah masyarakat kepada kehidupan yang lebih baik. Oleh itu, artikel ini cuba menerangkan secara umum kepentingan kepimpinan Islam dalam tadbir urus insan kepada para pemimpin organisasi. Kajian ini menggunakan metodologi keperpustakaan sahaja.

Katakunci: *Kepimpinan Islam, Tadbir urus insan, Organisasi*

ABSTRACT

Islamic leadership is a process that mobilizes a group of people to fulfil Islamic requirements while at the same time achieving a mission and vision for a specific period of time towards Islamic goals. Meaning of Islamic leadership is based on leadership established by the Messenger of Allah to bring community towards *al-falah* (success in the world and the hereafter). The leadership of Prophet SAW always strive to educate the people around Him to change from ignorance and polytheism towards becoming a noble, civilized, educated and religious person. It is done through the construction of the soul or spiritual training which is sourced from the revelation of Allah SWT

which is spared from the damage and deviation of monotheism. However, the current scenario is different where most of Muslim leaders are facing leadership crisis such as inability to lead which is causing various problems to occur. In Islam, leadership is essential for self, family, society and nation development. Same goes for the development and management of any organization. The success or failure of any organization depends on the characteristics and leadership style of the leaders. In fact, Islamic leadership is realizing the meaning of the caliphate on earth based on the Quran and the Sunnah, which guides people towards a better life. Therefore, this article tries to explain the importance of Islamic leadership in human governance to organizational leaders. This study only refers to library research methodology.

Keywords: *Islamic leadership, human governance, organization*

Pengenalan

Sesebuah organisasi mampu membawa perubahan kepada pemegang taruh (*stakeholders*) termasuklah pekerja organisasi itu sendiri sekiranya mempunyai pentadbiran dan pengurusan yang cekap. Jika berlaku sebaliknya, organisasi tersebut terdedah kepada bahaya kemunduran dan ketinggalan dari pelbagai aspek. Kepimpinan dalam organisasi memainkan peranan yang cukup penting untuk kelestarian organisasi. Tidak dapat dinafikan, bahawasanya corak pentadbiran dan pengurusan organisasi sentiasa berubah mengikut masa, situasi dan keadaan. Oleh kerana itu, kepimpinan organisasi perlu sentiasa merubah cara merancang, menyusunatur, mengawalselia dan membuat keputusan yang tepat bagi kemaslahatan organisasi.

Sesebuah organisasi itu dapat terus maju dan berdaya saing sekiranya mempunyai dan memiliki modal insan yang mempunyai kepakaran, berpengetahuan, berkemahiran, berkeperibadian tinggi dan berpengalaman. Oleh yang demikian, adalah penting kepada kepimpinan organisasi memberi lebih penekanan ke atas pembangunan modal insan itu sendiri yang datangnya daripada semua tingkatan pengurusan bermula daripada pihak atasan sehinggalah kepada pihak bawahan dalam organisasi masing-masing.

Pembangunan modal insan merupakan satu proses bagi mempersiapkan individu dengan persiapan secara menyeluruh dalam aspek kehidupan mereka di dunia dan juga di akhirat. Ini merangkumi aspek rohani, jasmani dan akal fikiran (cara berfikir). Islam amat menitikberatkan cara bermua'malah sesama insan dan persekitaran (*Habl min al-nas*) dan juga hubungan insan dengan Maha Pencipta yang mana matlamat akhir seorang insan itu adalah mendapat keredhaan Allah di dunia dan di akhirat dengan melakukan amar ma'aruf dan nahi mungkar (*Habl min Allah*). Oleh itu, tunjang kepada pembangunan modal insan yang cemerlang haruslah berpaksikan kepada keimanan yang teguh kepada Allah SWT dan rukun-rukun iman yang lain. Sesebuah organisasi walaupun tampak gagah dan hebat pada pandangan kasar, namun jika warga kerjanya tidak ada keimanan kepada Allah SWT, sebenarnya ia adalah rapuh dan boleh musnah pada bila-bila masa. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menjelaskan kepentingan kepimpinan Islam terhadap tadbir urus insan demi kelangsungan organisasi.

Tinjauan Kesusasteraan

Definisi Kepimpinan

Kepimpinan bermaksud keupayaan seseorang untuk memimpin (Kamus Dewan, 1989). Kepimpinan juga membawa maksud satu proses pengarahan tingkah laku orang lain ke arah menyempurnakan sesuatu objektif atau matlamat. Manakala pengarahan pula bermaksud seseorang individu yang bertindak mengikut cara tertentu ataupun mengikut sesuatu seperti polisi, organisasi, tatacara dan deskripsi kerja (Certo, 1997).

Menurut Ahmad Redzuwan (2001), kepemimpinan merujuk kepada satu perhubungan yang wujud antara individu dengan satu kumpulan manusia, dimana kelayakan individu tersebut dapat meningkatkan hasil dalam kumpulan tersebut. Manakala Hisham (1991), Yulk (1989),

Koontz dan Ewithrich (1988) & Hersey (1982), menyatakan kepimpinan adalah proses bagi menggerakkan tenaga manusia untuk mencapai matlamat organisasi tanpa sebarang paksaan dan tekanan. Antara penekanan yang perlu diberi perhatian dalam proses tersebut adalah menanam sifat kebertanggungjawaban, mempunyai sikap kekitaan, yakin diri, membina semangat dan rasa rela hati (ikhlas) dalam kalangan pekerja dan sebagainya.

Selain itu, seorang pemimpin perlu memainkan peranan dalam pengarahan dan penyelarasan bagi semua operasi pengurusan bagi menjamin keberkesanan terhadap perancangan yang disusunatur supaya semua kerja yang dirancang dapat berjalan mengikut masa yang telah ditetapkan (Wan Azmi, 1981).

Para pengkaji ilmu kepimpinan memberi definisi kepimpinan yang pelbagai bergantung kepada skop kajian masing-masing (Yukl 1998; Hughes, Ginnet & Curphy 1999, Winston & Patterson 2006; Lussier & Achua 2007; Northouse 2009). Contohnya kajian yang dilakukan oleh Winston & Patterson (2006) menunjukkan ada lebih daripada 90 pembolehubah atau dimensi yang boleh digunakan bagi memahami maksud kepimpinan, antaranya ialah keupayaan memberi sokongan, aktif, mengambil risiko, sentiasa terkehadapan, berpengaruh, membina kebersamaan, kreatif inovatif, berorientasikan manusia, berorientasikan matlamat dan sebagainya (Rozita et.al, 2018). Seorang pemimpin itu adalah seorang individu yang diiktiraf oleh seorang atau lebih, di mana pemimpin tersebut mempunyai pengaruh, berwibawa dan mempunyai kuasa. Manakala kepimpinan merupakan satu proses yang kompleks di mana seseorang individu itu mampu untuk mempengaruhi orang lain bagi mencapai visi, misi dan objektif organisasi (Al-Ramaiah, 1999). Justeru itu, kejayaan dan kecemerlangan organisasi bergantung kepada kepimpinan yang ditunjukkan oleh pihak pengurusan. Oleh itu, pihak pengurusan sebagai pemimpin organisasi perlulah menjalankan peranannya sebagai pemimpin yang berkesan. Sebagai contoh, organisasi yang mempraktikkan bentuk kepimpinan Islam dilaporkan dapat memberi impak yang besar terhadap prestasi organisasi.

Definisi Kepimpinan Islam

Secara amnya, para fuqaha' di sepanjang zaman telah memberikan perhatian yang serius dalam mengemukakan pengertian sebenar "Kepimpinan Islam". Masing-masing bersetuju dan mengakui asas-asas kepimpinan yang berikut iaitu memikul tugas bagi pihak Nabi Muhammad SAW, merupakan wilayah ammah kepada seluruh umat manusia, menjaga dan mendaulatkan agama Islam, dan mengurus dan mentadbir negara mengikut landasan Islam (samada berlandaskan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah atau berlandaskan ijtihad) (Shukeri Muhammad).

Sebagai contoh, Al-Imam al-Mawardi (M 422H) menyatakan bahawa kepimpinan (*al Imamah*) ialah menggantikan tugas kenabian bagi menjaga agama dan menguruskan kehidupan dunia. Definisi kepimpinan yang hampir sama oleh Ibn Khaldun, iaitu khilafah (kepimpinan) bermaksud membawa seluruh manusia berada di atas landasan syara' bagi kepentingan akhirat dan urusan keduniaan yang menguntungkan akhirat. Khilafah menggantikan pihak Allah SWT dan Rasul di dalam mengawal agama dan menguruskan urusan keduniaan berdasarkan kepada agama.

Manakala menurut Berhanudin (1977), kepimpinan Islam adalah satu proses yang menggerakkan sekumpulan insan untuk memenuhi kehendak Islam bagi jangka masa pendek dan panjang yang mampu menghasilkan satu wawasan untuk menuju matlamat Islam yang ditetapkan. Dalam kajian ini, kepimpinan Islam adalah merujuk kepada bentuk kepimpinan yang digariskan oleh Allah SWT di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu prinsip utama dalam kepimpinan Islam ialah memastikan pemimpin tersebut berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah dalam mengatur segala tindak tanduk kepimpinannya.

Kepimpinan Islam juga adalah terjemahan perlakuan pemimpin dan pengikutnya dalam menjawab persoalan tentang bagaimanakah ajaran Islam itu secara keseluruhannya dapat difahami, dihayati dan dipraktikkan oleh segenap lapisan masyarakat khususnya masyarakat Islam.

Manakala menurut Ismail Ibrahim (Berita Harian, 2017), kepemimpinan Islam merupakan gabungan pemimpin formal dan tidak formal dan dalam konteks kepemimpinan negara yang disebut sebagai gabungan antara umara' dan ulama'. Hal ini dapat difahami daripada hadis berikut:

"Terdapat dua kelompok manusia, jika kedua-duanya baik, maka masyarakat akan jadi baik dan jika kedua-duanya rosak, maka masyarakat juga akan menjadi rosak, mereka itu ialah umara' dan ulama'."

(Hadis riwayat Ibn Abdul Barr)

Malahan Imam Al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya' 'Ulumuddin*, turut menyatakan bahawa para pemimpinlah yang harus bertanggungjawab mendidik diri mereka terlebih dahulu, sebelum mendidik pengikut dan masyarakat sekeliling. Mereka perlu mempraktikkan dahulu segala sesuatu yang didakwahkan kepada pengikut masing-masing, mereka juga perlu meningkatkan moral dan akhlak mereka terlebih dahulu sebelum memperbetulkan orang lain. Ini kerana, rakyat

menjadi rosak akibat rosaknya pemerintah. Pemerintah menjadi rosak akibat kehadiran ulama yang buruk (al-suu') (Ismail Ibrahim, Berita Harian, 2017).

Kesan Kepimpinan Islam ke atas Tadbir Urus Insan

Kepimpinan Islam meletakkan konsep akidah tauhid sebagai asas dalam memimpin (al-Nur 24:52; al-An'am 6:162), maka kepimpinan organisasi perlu memahami bagaimana untuk mengaplikasikan kefahaman tersebut semasa mengurus dan mentadbir organisasi mereka sehingga mendapat keredhaan Allah SWT di dunia dan akhirat (al-Qasas 28:77) (Adnan,2006).

Bentuk kepimpinan Islam menyentuh mengenai persoalan akidah, syariat dan akhlak. Ini kerana kepimpinan Islam berpandukan kepada sumber syariat iaitu Al-Quran dan juga Al-Sunnah. Ini terbukti dengan kepimpinan yang ditunjukkan oleh baginda Rasulullah SAW dan Khulafa' al-Rasyidin dalam pimpinan masing-masing yang mengikut acuan Islam yang sebenarnya (al-Bureay, 1985). Seorang pemimpin itu harus mempunyai intuisi dalaman insan seperti nilai kasih sayang, bertoleransi, memberikan penghargaan dan berinteraksi dengan insan lain dan sebagainya. Jika pemimpin yang terlalu mementingkan birokrasi dan membelakangkan nilai-nilai kemanusiaan, akan membawa kepada kegagalan dalam tadbir urus organisasi (Deal & Bolman, 1995; Sergiovanni, 1996).

Melihat kepada kepimpinan Baginda Rasulullah SAW, ternyata Baginda mengambilkira syura, keadilan yang adil dan saksama dan kebebasan untuk bersuara dalam setiap urusan ummah dan ketiga-tiga perkara tersebut dijadikan sebagai faktor asas dalam kepimpinan Islam. Faktor-faktor tersebut mestilah dilaksanakan dalam tadbir urus dan ianya haruslah selaras dengan lima aspek sistem nilai Islam yang berkaitan dengan kewibawaan diri, peningkatan dalam perhubungan, keberkesanan dalam kepimpinan, tatasusila yang beretika serta peningkatan moral melalui pengetahuan rohani (Ismail Noor, 2000).

Selain itu, kepimpinan Islam menjadikan pendekatan tauhid sebagai garis panduan dalam mentadbir urusan ummah. Pendekatan tauhid bermaksud meletakkan keimanan sebagai paksi dan ketuhanan sebagai matlamat akhir yang tidak memisahkan antara pembangunan material dan pembangunan insan. Bahkan meletakkan pembangunan insan khususnya yang melibatkan kejiwaan sebagai asas kepada pembangunan kebendaan (Nik Mutasim Abd Rahman & Ismail Upawi, 1993; Baharom et.al, 2008).

Perlaksanaan pendekatan tauhid dalam kepimpinan organisasi memberi implikasi yang besar antaranya dapat melahirkan modal insan Muslim yang bersikap terbuka, cekap, amanah, berdisiplin dan ikhlas dalam melakukan tugas. Ini adalah kerana mereka dapat memahami konsep tauhid dengan baik dan melaksanakan setiap urusan berlandaskan ketakwaan kepada Allah SWT. Selain itu, ianya juga dapat melahirkan insan yang mempunyai harga dan maruah diri dan keyakinan diri yang tinggi dengan mengatakan perkara yang hak dan benar, mempunyai sifat rendah diri dan tawadduk, mempraktikkan budaya kerja yang memupuk semangat sepasukan, hormat-menghormati, menolong satu sama lain dan sebagainya. Individu yang memegang konsep

tauhid akan menjadikannya insan yang soleh, berani dan sentiasa dalam kebenaran (Wan Liz Ozman, 1996).

Dalil Al-Quran dan al-Sunnah Mengenai Kepimpinan

Manusia adalah khalifah Allah di muka bumi ini. Tugas seorang khalifah Allah adalah untuk memakmurkan bumi ini dengan perkara amar ma'ruf nahi mungkar. Setiap manusia adalah pemimpin kepada diri sendiri dan juga menjadi pemimpin kepada orang yang dipimpin dan seterusnya masyarakat. Terdapat banyak firman daripada Allah SWT berkaitan dengan kepimpinan, antaranya:

"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi". Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui"

(Al-Baqarah: 30)

"Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah SWT dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah SWT (Al Qur'an) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah SWT dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya"

(An-Nisa':59)

"Kami telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami dan telah Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebajikan, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan hanya kepada Kamilah mereka selalu menyembah"

(Al-Anbiya": 73)

"Dan Kami jadikan di antara mereka itu pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami ketika mereka sabar. Dan adalah mereka meyakini ayat-ayat Kami".

(As-Sajdah: 24)

"Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benarbenar menegakkan keadilan, menjadi saksi karena Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau bapak ibu dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya atau miskin, Allah lebih mengetahui kemaslahatan keduanya".

(An-Nisa: 135)

"Hai orang-orang yang beriman! Tegakkanlah keadilan sebagai saksi karena Allah. Dan janganlah rasa benci mendorong kamu berlaku tidak adil. Berlaku adillah, karena itu lebih dekat dengan taqwa..."

(Al-Maidah: 8)

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".

(An-Nisa': 58)

"Hai Daud, sesungguhnya Kami menjadikan kamu khalifah (penguasa) di muka bumi, maka berilah keputusan (perkara) di antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu, karena ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah SWT. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah SWT akan mendapat azab yang berat, karena mereka melupakan hari perhitungan."

(Shad: 26)

Kumpulan yang besar jumlahnya pastinya memerlukan kepada kepimpinan. Begitu juga bagi kumpulan yang kecil perlu kepada seorang pemimpin. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Jika tiga orang keluar dalam satu perjalanan, maka hendaklah mereka memilih salah satu di antaranya sebagai dua pemimpin”.

Saidina Umar R.A pernah berkata mengenai kepimpinan antaranya ialah,

“Tiada Islam tanpa jamaah, tiada jamaah tanpa kepimpinan dan tiada kepimpinan tanpa taat”.

“Kita adalah kaum yang diberi kemuliaan dengan Islam, maka sesiapa yang mencari selain daripada Islam, Allah akan memberi kehinaan kepadanya.

Akhlak pemimpin menjadi kayu ukur kepada kecemerlangan sesebuah organisasi sama ada dalam agensi kerajaan, swasta mahupun perniagaan. Gaya kepimpinan yang ditunjukkan dan dipraktikkan dalam tadbir urus memainkan peranan yang sangat penting untuk kelangsungan organisasi masing-masing. Kepimpinan Islam yang diamalkan dapat menghubungkan perilaku pematuhan, kepercayaan dan penghormatan daripada orang yang dipimpin dengan pemimpin bagi mencapai matlamat ataupun objektif organisasi (Nik Karimah).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi secara perpustakaan sahaja iaitu kajian yang tidak melibatkan aktiviti di lapangan. Metodologi ini lebih menjimatkan masa dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Walau bagaimana pun, cara ini adalah terhad dari segi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian memandangkan kajian ini hanya bergantung kepada bahan-bahan rujukan di perpustakaan. Namun begitu, metodologi ini dirasakan paling sesuai bagi menjalankan kajian ini.

Kesimpulan

Kepimpinan Islam yang berteraskan kepada konsep tauhid sebenarnya dapat melahirkan dan membangunkan insan dan masyarakat dari segi iman, akhlak, cara berfikir dan pembangunan fizikal. Kepimpinan Islam mampu menyediakan insan untuk melaksanakan tugas khalifah Allah di muka bumi dan mengabdikan diri kepada Allah SWT dan mengamalkan sistem hidup mengikut syariat yang ditetapkan.

Pemimpin organisasi haruslah sentiasa prihatin terhadap pembangunan jiwa dan spiritual warga kerja bagi melahirkan insan yang berjaya di dunia dan akhirat. Memiliki warga kerja yang soleh dan mempunyai keperibadian dan akhlak yang baik mampu meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja kerana mereka faham apa yang perlu mereka lakukan. Oleh itu, para penyelidik harus

memperbanyak kajian lapangan mengenai kepemimpinan Islam yang dapat mengembalikan kegemilangan kepemimpinan Islam pada satu ketika dulu.

Rujukan

- Al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah tva al-witayat al-diniyyah*, Beirut m.s 5.
- Al Ramaiah.(1999). *Kepimpinan pendidikan: cabaran masa kini*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd
- Certo, S.C. (1997). *Modern management. Diversity, quality, ethics, and the global environment*. New Jersey, Upper Saddle River: Prentice Hall.
- Hughes, R.L., Ginnet, R. C. & Curphy, G.J. (1999). *Leadership: Enhancing the Lessons of Experience*. Boston: Irwin McGraw-Hill.
- Ibn Khaldun. *af-Muqaddimah*, Beirut 1984 m.s. 191.
- Nik Safiah Karim. (1990). *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: K Publishing & Distributors.
- Northouse, P.G. (2009). *Introduction to Leadership: Concepts and Practice*. USA: SAGE Publications.
- Lussier, R.N. & Achua, C.F. (2007). *Effective Leadership* ,3rd Edition, Australia: Thomson SouthWestern
- Shukeri Muhammad. Kepimpinan Islam: Satu Agenda Pembangunan Ummah, *Jurnal Usuludin*, pp. 131-148.
- Winston, B.E. & Patterson, K. (2006). An Integrative Definition of Leadership. *International Journal of Leadership Studies*, Vol. 1 Issue 2: 6-66.
- Yulk, G. (1998). *Leadership in Organizations* (4th Edition). New Jersey: Prentice Hall International
- Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hasan & Bahiyah Abdul Hamid Malim. (2018). Takrif Kepimpinan, Ciri-Ciri Pemimpin dan Motivasi untuk Memimpin menurut Sudut Pandang Pemimpin Wanita Akar, *MALIM Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 19(2018): 28-42.